

Perdana Menteri akhiri lawatan 2 hari ke Pusan

PUSAN (Korea), Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengakhiri lawatan dua hari ke Pusan, selatan Korea, hari ini melawat empat lagi kilang, termasuk kilang membuat kapal tangki terbesar di republik itu dan antara yang terbesar di dunia.

Tiga dari kilang itu terletak di Hyundai, 60 km ke timur laut bandaraya ini dan sebuah lagi di Pohang.

Ini bermakna, sepanjang lawatan rasmi seminggu ke republik itu, Perdana Menteri telah melawat 11 kilang, termasuk tiga di sekitar Seoul.

Di akhir lawatan ke kilang-kilang itu, beliau bagi pihak Kera-

Dari ZAINUDDIN AYIP

jaan Malaysia telah dihadiahkan sebuah ketera model Stellar 1600 cc buatan Korea berharga \$22,000.

Kilang pertama yang dilawati beliau ialah Pohang Iron and Steel (Posco) di Pohang. Kilang besi yang terbesar di Korea itu membuat kepingan besi untuk badan kenderaan seperti lori dan kereta, wayar kawat, bangunan, jambatan, kapal dan keretapi.

Datuk Seri Dr Mahathir diberi taklimat ringkas oleh pengurus syarikat itu, Tae Jool Park, sebelum melawat sekitar kompleks selama sejam.

Perdana Menteri dan rom-

bongan Malaysia yang menaiki helikopter kemudian berlepas ke Hyundai untuk melawat tapak projek industri berat di situ.

Kompleks industri itu mengandungi pelbagai kilang membuat dan memasang kapal tangki dan kargo, motor, perabut dan industri ringan seperti jam tangan serta pemetik api.

Menurut Pengerusi Hyundai Heavy Industries, Ju Yung Chung, industri membuat kapal khususnya jenis kargo berkembang maju sejak lima tahun lalu.

Antara kapal tangki itu ditempah oleh negara-negara Arab, Pakistan, India dan beberapa negara Eropah. Kilang itu boleh membina dan memasang 500 buah kapal setahun, termasuk yang seberat

260,000 tan.

Kilang itu juga sedang membina pelantar minyak untuk Shell Sarawak Berhad (SSB) dan sebuah lagi untuk syarikat minyak Brunel.

Selepas itu, Datuk Seri Dr Mahathir melawat Syarikat Hyundai Wood Industries yang membina pelbagai perabut rumah seperti kerusi, meja, katil dan almari.

Kilang itu yang mendapatkan bahan mentah kayu balak dari Malaysia mengeksport AS\$460 juta tahun lalu. Hasil keluarannya banyak mendapat tempahan dari seluruh dunia, termasuk hotel-hotel terkemuka.

Kilang itu, yang ditubuhkan tahun 1978, mempunyai 2,503 pekerja termasuk lebih 100 jurutera dan 626 tenaga pekerja mahir.

Perdana Menteri kemudian melawat Syarikat Motor Hyundai yang membuat pelbagai jenis kenderaan seperti kereta, trak dan bas.

Kilang itu mempunyai 9,900 orang pekerja, termasuk 1,900 jurutera dan mekanik.

Tahun lalu, Syarikat Motor Hyundai mengeluarkan 118,000 unit kereta dan 24,000 trak serta bas. Sejumlah 300,000 unit kenderaan akan dikeluarkan tahun depan.

Kereta yang dikeluarkan ialah model Pony 1200 dan 1400 cc model Stellar 1400 dan 1600 cc yang dicipta oleh pakar pakar tempatan. Sebuah lagi model, iaitu Granada 2000 cc, dikeluarkan dengan kerjasama syarikat Ford.

Datuk Seri Dr Mahathir akan berlepas ke Seoul pagi esok sebelum pulang ke tanahair, Ahad ini.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 5864
No. Penerimaan 181 / 86